



META, MCMC, PDRM kerjasama bendung jenayah dalam talian

Oleh Suraya Ali - Julai 4, 2023 @ 8:50pm
suraya.ali@bh.com.my

KUALA LUMPUR : Meta Platforms Inc (META) beri jaminan akan terus komited kerjasama erat dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) serta Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk membendung jenayah dalam talian.

[READ MORE](#)

Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil, berkata susulan peningkatan kes penipuan, judi dalam talian dan isu membabitkan institusi raja, agama dan bangsa (3R), pihaknya meminta META untuk mengadakan pertemuan bersama PDRM dan MCMC.

"Kerugian yang ditanggung rakyat Malaysia bagi tempoh Januari - Mei 2023 menerusi platform META (Facebook, Instagram, dan WhatsApp) mencecah hampir RM330 juta.

"Ini merupakan peningkatan 25% berbanding Jan - Dis 2022," katanya dalam satu hantaran di Facebook, hari ini.

Fahmi berkata, hasil pertemuan hari ini pihak META menyatakan komitmen dan kesediaan kerjasama yang erat.

"Saya percaya dengan kerjasama ini, jenayah scam, judi dalam talian dan isu 3R di platform META akan dapat dikurangkan," katanya.

Mesyuarat di Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman itu turut dihadiri Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain serta pengurusan tertinggi PDRM; Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital, Teo Nie Ching; Pengerusi MCMC, Tan Sri Salim Fateh Din serta Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Datuk Dr Amiruddin Abdul Wahab.